

29/08/2001

Pelaksanaan meritokrasi perlu diperhalusi

Azman Abdul Hamid

UMUMNYA, konsep meritokrasi diterima oleh masyarakat Melayu tetapi mereka mahu supaya pemimpin negara memastikan bahawa pelaksanaannya sejajar dengan kepentingan serta aspirasi bangsa dan agama, terutama kepada golongan pelajar.

Pemerhatian itu dibuat melalui Dialog Akar Umbi Meritokrasi, anjuran Kelab Umno United Kingdom dan Eire, Ahad lalu, dengan penyertaan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein di Pejabat Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London.

Hishammuddin menegaskan meritokrasi sepatutnya dilihat sebagai usaha mewujudkan golongan Melayu yang cemerlang dalam semua bidang, bermula dengan pendidikan.

Dalam usaha itu, penekanan diberi kepada strategi memberi laluan dan peluang kepada pelajar Melayu mendaki kejayaan, selain mewujudkan lebih banyak program latihan supaya tiada yang tersekat dari segi kerjaya hidup.

Antara cabaran yang dihadapi ialah mengisi kuota pelajar Melayu sebanyak 55 peratus di institusi pengajian tinggi, jurang kewangan antara penduduk bandar dan luar bandar serta masalah sosial remaja Melayu.

"Jadi, langkah pertama ialah membuat kejutan untuk menyedarkan orang Melayu," katanya merujuk kepada pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai meritokrasi, Julai lalu.

Beliau merujuk kepada perangkaan yang menunjukkan bahawa bilangan keseluruhan pelajar Melayu di institusi pengajian tinggi tidak sampai 30 peratus.

Oleh itu, menyedari perkara ini, sistem kuota perlu dikekalkan dan matlamat meritokrasi perlu dicapai secara berperingkat, katanya.

Ketika mengulas isu itu bagi pihak golongan akademik, Pengarah Jabatan Pelajar Malaysia, Dr Kamaruddin Mohd Nor, berkata konsep dan pelaksanaan meritokrasi perlu diperhalusi.

"Saya mahu bertanya, apa yang berlaku kepada pelajar Melayu yang gagal memasuki institusi pengajian tinggi?"

"Dari segi kemasukan pelajar, adakah sistem pendidikan yang ada sekarang cukup sesuai untuk memberi hasil diharapkan?"

"Pentadbiran juga penting. Adakah sebab yang menyekat kecemerlangan pelajar ialah ahli akademik terbabit dalam politik?" katanya.

Mewakili golongan korporat ialah akauntan Pricewaterhouse Coopers, Eqhwan Muhammad, yang berpendapat belum masa untuk melaksanakan meritokrasi berdasarkan kurangnya pelajar Melayu ke universiti.

Beliau, sebaliknya mencadangkan supaya asas pendidikan pelajar Melayu diperkuatkan terlebih dahulu dengan mengambil kira jurang antaran kemudahan pelajar yang bersekolah di bandar dan luar bandar.

Eqhwan juga menyarankan lebih banyak program motivasi diserap dalam sistem pendidikan, termasuk kepada guru yang disifatkannya bergaji rendah'.

"Kita tahu mata pelajaran yang penting ialah Matematik, Sains serta Bahasa Inggeris. Mungkin tidak perlu pelajar mentelaah 13 mata pelajaran.

"Dicadangkan kita memberi tumpuan kepada Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris dan selebihnya dikelaskan sebagai mata pelajaran selektif.

"Bagi membantu pelaksanaan program dari segi kewangan, mungkin kerajaan boleh memperuntukkan satu peratus daripada cukai untuk membiayai kegiatan pendidikan atau mengenakan cukai kepada syarikat dan cukai itu dimasukkan ke dalam satu dana bagi tujuan yang sama," katanya.

Sesi dialog menyaksikan beberapa pelajar dan pemerhati memberi ulasan dan pendapat mereka mengenai meritokrasi.

Seorang pelajar universiti di London berpendapat, sistem kuota adalah hak orang Melayu yang tidak boleh dilepaskan.

"Ada banyak isu lain yang perlu diatasi. Misalnya, ramai pelajar Melayu yang cenderung dengan aliran Sastera, lemah dalam Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris serta kekurangan kemudahan di sekolah luar bandar dan bandar," katanya.

Ada juga pelajar yang mempertikaikan kejayaan pelaksanaan meritokrasi selagi amalan pilih kasih masih wujud dalam pemilihan pelajar untuk masuk ke menara gading.

Pelajar universiti di Cardiff, Wales, Syed Zaki Hilmi, pula berkata bahawa pelajar dan orang Melayu perlu bersedia menghadapi cabaran ketika dunia dilanda arus globalisasi.

"Memanglah ada kebaikan dan keburukannya. Begitu juga meritokrasi tetapi, apa yang penting ialah kita lihat secara keseluruhannya supaya kita dapat bersaing pada masa depan," katanya.

Apapun, kerajaan khususnya pemimpin Melayu perlu berpegang teguh kepada prinsip Ketuanan Melayu. Sepatutnya, apa yang sudah dimiliki orang Melayu ditambah.

Jika kelemahan tertentu dikesan, ambil tindakan, jalankan program untuk menanganinya.

Apabila didapati pelajar Melayu kurang mendapat tuisyen atau kemudahan infrastruktur, berikan bantuan.

Seorang kenalan memberitahu: "Jika orang Melayu asyik kata orang Melayu bodoh, lama-kelamaan orang Melayu dan generasi muda Melayu dengan sendirinya menganggap mereka bodoh."

Jadi, sewajarnya kuota pelajar Melayu kekal bagi mengelak luka lama berdarah kembali, seperti disuarakan Profesor Jabatan Sejarah Universiti Malaya, Prof Datuk Dr Ramlah Adam, awal minggu ini.

Beliau membincangkan bagaimana penjajah British tidak pernah memberi biasiswa Perubatan, Undang-Undang dan Kejuruteraan kepada anak watan.

Ini menjadikan kebanyakan orang Melayu kurang minat kepada ilmu. Tambahan pula, orang Melayu ketika itu tidak berwang, miskin dan tiada semangat, rangkaian dan pendidikan yang baik.

"Sebab itulah, kemajuan hanya diperolehi orang dagang kerana bapa mereka adalah peniaga dan orang kaya.

"Jika kita tidak menggunakan sistem kuota, kita akan meletakkan orang Melayu sekarang berada ketika pada zaman British dulu. Ini kerana kesedaran orang Melayu masih kurang, malah sikap mereka juga masih banyak 'tidak betul' lagi," katanya.

(END)